

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
LAWATAN FIZIKAL BENDAHARI UiTM

7 APRIL 2025 | ISNIN | 9.00 PAGI
BILIK MESYUARAT UTAMA
KAMPUS PUNCAK ALAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

Yang Berusaha Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa
Bajet Pembangunan dan Naik Taraf Prasarana
(JBPNP)

Barisan Ahli Jawatankuasa

Rakan-rakan Kepimpinan Universiti

Barisan Akademik dan Pentadbiran yang saya
hormati.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama pada hari ini bagi mengikuti sesi pembentangan dan lawatan fizikal dari Pejabat Bendahari UiTM ke Kampus Puncak Alam.
2. Untuk makluman, lawatan ini bertujuan untuk meninjau secara langsung permohonan-permohonan pembelian dan ubah suai yang telah dikemukakan melalui Sistem JBPNP serta merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Bajet Pembangunan dan Naik Taraf Prasarana (JBPNP) Bil. 1/2025 pada 10 Mac 2025.
3. Permohonan-permohonan yang dikemukakan dalam Sistem JBPNP baru-baru ini adalah amat penting dalam memastikan pembangunan dan naik taraf prasarana di UiTM terus bergerak seiring dengan keperluan pengajaran,

pembelajaran, serta kesejahteraan warga universiti.

4. Justeru, pada hari ini kita akan mendengar pembentangan ringkas mengenai empat permohonan peruntukan yang telah dikemukakan melalui Sistem JBPNP, iaitu:

i. Permohonan Peruntukan Pembelian Peralatan Audio Visual System bagi kegunaan di Dewan Kuliah 8 dan Dewan Kuliah 11, Fakulti Farmasi.

ii. Permohonan Peruntukan Pembelian Peralatan Audio Visual dan PA Sistem bagi keperluan pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Farmasi.

iii. Permohonan Pembelian Peralatan Audio Visual untuk tujuan pengajaran dan

pembelajaran di Fakulti Pendidikan, UiTM Puncak Alam.

iv. Cadangan Ubah Suai Makmal kepada Pusat Rekod (Arkib) di Aras 5, Bangunan FSK 2, 3, 4, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam.

5. Setiap cadangan ini merupakan usaha berterusan untuk meningkatkan kemudahan pembelajaran dan sistem penyimpanan rekod institusi kita.

6. Oleh demikian, saya berharap sesi pembentangan sebentar lagi dapat memberikan penjelasan terperinci mengenai keperluan dan kepentingan setiap permohonan yang telah dikemukakan.

7. Selain itu, saya juga berbesar hati menjemput semua yang terlibat untuk menyertai lawatan fizikal ke lokasi-lokasi berkenaan, yang dinyatakan tadi bagi memberikan gambaran jelas mengenai keperluan yang telah dikemukakan.
8. Saya percaya lawatan ini akan membantu kita dalam membuat keputusan yang lebih tepat dan berpandangan jauh demi kebaikan dan kesejahteraan semua pihak.
9. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam menyediakan dokumentasi, pembentangan, serta yang terlibat dalam lawatan ini.
10. Semoga segala perancangan kita dipermudahkan dan diberkati.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**